

10/09/2003

Suria IT lancar jam poket hargai jasa Dr Mahathir

Rasheffa Abdul Rashid

KUALA LUMPUR: Sebagai tanda kenangan dan menghargai jasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memimpin Malaysia selama 22 tahun, Suria IT Com Sdn Bhd, sebuah syarikat teknologi maklumat semalam melancarkan jam poket unik dengan ukiran wajah Perdana Menteri.

Jam poket itu diperbuat daripada emas tulen 22K yang setiap satu dijual pada harga RM78,000, dibuat bagi melambangkan kekuatan dan kesungguhan Dr Mahathir menerajui negara untuk lebih dua dekad sehingga menjadi terkenal di mata dunia.

Jam itu dibuat sepenuhnya di Switzerland menggunakan kepakaran dan kemahiran pengukir dari negara berkenaan yang terkenal dengan pelbagai jenama jam terkemuka dunia.

"Emas 22k itu adalah simbol 22 tahun Dr Mahathir memimpin negara ini," kata Pengurus Besar Suria IT Sdn Bhd, John Chow, kepada pemberita pada sidang media "Commemorative Timepiece" yang diadakan di sini, semalam.

Beliau berkata, pada jam itu diukir wajah Perdana Menteri dengan ungkapan "Our Prime Minister" dan "A Great Leader Who Opens The Door" mencirikan Dr Mahathir yang membuka pelbagai peluang kepada rakyat Malaysia untuk menempa nama di dunia.

Chow berkata, hanya sebanyak 9,999 unit jam itu akan dikeluarkan kerana ia adalah koleksi terpilih dengan setiap satunya diberikan nombor siri dan nombor siri 0001 akan diserahkan sebagai momento kepada Perdana Menteri.

Hasil jualan setiap satu jam yang mempunyai jaminan seumur hidup itu adalah untuk kebajikan dan hingga kini sudah ada lebih 100 tempahan daripada beberapa syarikat dan orang perseorangan.

"Jumlah besar (hasil jualan) akan diberikan kepada Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) untuk mengagihkan kepada kepada rumah-rumah kebajikan dan golongan yang memerlukannya," katanya.